

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

1hb. November, 1975.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 1975

**Penyelarasan Gaji Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Yang Dipinjamkan ke Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa
Tempatan, Berikutan Dengan Penguatkuasaan Lapuran Harun**

Pekeliling Perkhidmatan mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan di Malaysia tidak meliputi pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atas dasar pinjaman. Dengan hal yang demikian perkhidmatan mereka adalah terus dikekalkan dengan tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman mereka yang sedia ada. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada beberapa masalah yang timbul dari segi gaji dan perkhidmatan pegawai-pegawai yang di pinjamkan jika dibandingkan dengan rakan mereka yang menjadi pegawai tetap di Badan-badan Berkanun maka Kerajaan telah mengkaji semula syarat-syarat pinjaman yang ditawarkan kepada mereka khususnya mengenai syarat gaji, elaun dan lain-lain kemudahan dan menyesuaikan syarat-syarat itu dengan peraturan-peraturan dalam Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan tanpa menjejaskan prinsip dan dasar pinjaman pegawai-pegawai berkenaan itu.

2. Setelah mengkaji semula masaalah ini dengan mendalam, Kerajaan telah bersetuju supaya syarat-syarat pinjaman semua pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan ke Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan dipinda dan diselaraskan berpandukan peraturan-peraturan berikut:-

- (a) Semua pegawai-pegawai pinjaman ke Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan yang masih terus menerima Gaji Suffian hendaklah ditawarkan Gaji Harun mengikut Gred gaji yang diluluskan bagi jawatan yang disandangnya secara pinjaman.
- (b) Penyelarasan gaji ke bentuk Gaji Harun ini hendaklah dilaksanakan mulai 25hb. Januari, 1975 iaitu tarikh keluarnya Pekeliling mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan. Jika sekiranya penyelarasan gaji di atas prinsip-prinsip yang akan disebutkan di perenggan berikutnya, melayakkan pegawai-pegawai pinjaman mendapat tunggakan gaji maka mereka hendaklah dibayar tunggakan gaji tersebut mulai dari tarikh itu.
- (c) Sebarang tunggakan gaji yang layak dibayar kepada pegawai-pegawai pinjaman yang timbul berikutan dengan penyelarasan gaji ini hendaklah dibayar bagi tempoh mulai 15hb. Januari,

1975 sahaja dan tidak bagi tarikh-tarikh terawal daripada itu. Mereka-mereka yang telahpun dibayar

tunggakan gaji mengikut peraturan yang terkeluar daripada ketetapan di atas adalah dikehendaki membayar balik kepada Kerajaan wang-wang yang telah terlebih bayar itu.

- (d) Penyelerasan gaji ini hanya meliputi pegawai-pegawai Kerajaan yang masih berada dalam pinjaman pada dan selepas 15hb. Januari, 1975 dan tidak termasuk mereka yang pernah dipinjamkan sebelum daripada itu tetapi tempoh pinjamannya telah ditamatkan sebelum 15hb. Januari, 1975.

CARA PENYELERASAN GAJI

3. Berhubung dengan cara penyelerasan gaji, Kerajaan telah bersetuju supaya ianya dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip yang tersebut di bawah ini:-

- (a) Jika pada tarikh 15hb. Januari, 1975 gaji pegawai pinjaman yang berkenaan itu adalah kurang daripada jumlah gaji minima tanggagaji Harun bagi jawatan yang disandangnya, maka ia hendaklah ditawarkan gaji minima Harun Mulai 15hb. Januari, 1975 dan dibayar tunggakan gaji sewajarnya mulai dari tarikh itu.
- (b) Jika gaji yang diterima pada 15hb. Januari, 1975 adalah sama dengan salah satu masa gaji di atas tanggagaji Harun yang disandangnya, maka ia hendaklah terus ditawarkan mata gaji itu dan dengan demikian tidak layak mendapat sebarang tunggakan gaji.
- (c) Jika gaji yang diterima pada 15hb. Januari, 1975 tidak menyamai (coincide) dengan mana-mana mata gaji diatas tanggagaji Harun bagi jawatannya, maka ia hendaklah diberi mata gaji yang tinggi yang terhampir sekali (next nearest higher point) dengan gaji yang sedang diterimanya ketika itu. Dalam keadaan ini ia hendaklah dibayar tunggakan gaji mengikut kelayakan.

Contoh :

- (a) A telah dipinjamkan sebagai Pengarah Bahagian Perjawatan M.A.R.A., pada 1.1.74 dengan ditawarkan gaji berseh \$1,900/- di atas tanggagaji \$1,900 X 100 - 2,000. Berikutan dengan penguatkuasaan Lapuran Harun, jawatan itu digred semula ke peringkat Kod A 8 - \$2125, 2200, 2275, 2350. Dengan demikian mulai 15hb. Januari, 1975 gaji pinjaman A hendaklah dipinda daripada \$2,000/- kepada \$2,125/- sebulan (mata gaji minima Harun bagi Jawatan itu) dan dibayar tunggakan gaji berdasarkan perbezaan di antara gaji yang patut diterima mengikut apa yang sebenarnya diterima mengikut penyelarasan ini dengan syarat pinjaman terdahulu.
- (b) B dipinjamkan sebagai Pegawai Pentadbir, Lembaga Perancang Keluarga Negara pada 10.1.1974 dengan di tawarkan gaji bersih \$1,500/- sebulan di atas tanggagaji \$1,500 x 100 - 1,900 (Tingkatan Kanan dalam Perkhidmatan Kerajaan). Jawatan ini digred semula oleh Lapuran Harun dan diletak pada peringkat Kod A 11 - 9 - \$650 x 50 - 850/950 x 50 - 1150/1300 x 50 - 1500; dan A 10 - 2 - \$1600 x 75 - 1825. Maka mulai 15hb. Januari 1975 B hendaklah dikira diletakkan ke atas tanggagaji Harun bagi jawatan itu tetapi terus menerima gaji \$1,600/- sebulan (Mata gaji pertama A 10 - 2) dan dengan demikian tidak berkelayakan mendapat sebarang tunggakan gaji.
- (c) C dipinjamkan sebagai Pengarah Pemasaran, Lembaga Pemasaran Ikan di atas tawaran gaji \$2,000/- sebulan mulai 1.9.74. Jawatan ini telah di gredkan pada peringkat A 9 Harun -

\$1,900, 1975, 2050, 2125. Mulai 15hb. Januari gaji pinjaman C hendaklah dipinda dari jumlah \$2,000/- sebulan kepada \$2,050/- sebulan dan dibayar tunggakan sewajarnya berdasarkan perbezaan gaji yang diterimanya itu.

4. Dalam keadaan di mana pegawai pinjaman itu telah diberi penyelerasan gaji kepada Gaji Harun apabila pinjamannya dilanjutkan di dalam lengkungan tarikh antara 16.1.75 dan tarikh keluarnya Pekeliling ini dan ia telah ditawarkan mata gaji yang lebih tinggi daripada mata gaji yang patut diterima mengikut prinsip penyelerasan yang dinyatakan di 3 (a), (b) dan (c), maka bagi tujuan penyelerasan gajinya pada 15hb. Januari, 1975 ia hendaklah diberi mata gaji terke bawah yang terhampir, jika ada, kepada mata gaji yang diluluskan semasa dalam lanjutan pinjamannya kali ini. Jika sekiranya gaji yang diluluskan dalam lanjutannya itu adalah sama banyak dengan apa yang patut diterima mengikut prinsip penyelerasan ini, maka pada 15hb. Januari, 1975 ia hendaklah juga di tawarkan gaji yang serupa dengan apa yang diluluskan kepadanya itu dan dibayar tunggakan sewajarnya jika berkelayakan.

Contoh :

- (i) X telah dipinjamkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Lembaga Padi dan Beras Negara mulai 1.6.72 dengan ditawarkan gaji \$2,300/- sebulan (Tingkatan Tertinggi 'E' dalam Perkhidmatan Kerajaan). Tempoh pinjaman pertama beliau sepatutnya tamat pada 31.5.75 yang lalu tetapi telah diluluskan untuk dilanjutkan selama 2 tahun lagi mulai 1.6.75. Oleh kerana jawatan ini digred semula oleh Lapuran Harun dan diletak pada peringkat A 7 - \$2350, 2425, 2500, 2575 dan beliau telah diluluskan supaya ditawarkan gaji \$2,500/- sebulan (mata gaji ketiga A 7) dalam tempoh lanjutan ini, maka bagi tujuan menentukan Gaji Harun yang patut ia terima pada 15hb. Januari, 1975 beliau hendaklah dibayar \$2,425/- sebulan iaitu mata gaji terke bawah yang hampir sekali.

KENAIKAN GAJI SEMASA DALAM PINJAMAN

5. Tanggagaji bagi jawatan-jawatan di Badan-Badan Berkanun dan setengah-setengah jawatan di Kuasa-kuasa Tempatan adalah merupakan tanggagaji 'banded' di mana penyandanganya layak menerima kenaikan gaji tahunan atau dua tahun sekali mengikut yang mana berkenaan. Walaupun demikian Kerajaan telah memutuskan bahawa bagi pegawai-pegawai pinjaman kenaikan gaji ini tidaklah boleh dianggap sebagai suatu elemen yang harus diberi secara otomatik oleh Badan-Badan Berkanun/Kuasa-Kuasa Tempatan tetapi hendaklah tertakluk kepada kelulusan dan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang akan menentukannya mengikut merit dan kelayakan pegawai-pegawai yang berkenaan itu masing-masing. Pada amalannya tarikh kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai pinjaman adalah dikira pada tarikh ulang tahun pinjamannya sama seperti prinsip menentukan tarikh kenaikan gaji dalam jawatan Kerajaan. Dengan hal yang demikian apabila tempoh pinjaman seseorang pegawai itu hampir ke tarikh ulang tahunnya dan pada pandangan pihak Berkuasa Badan berkanun/Kuasa Tempatan pegawai berkenaan layak diberi kenaikan gaji seterusnya di atas tanggagaji pinjamannya hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dimajukan kepertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat seterusnya. Peraturan ini hanya meliputi pegawai-pegawai yang dipinjamkan ke jawatan-jawatan yang mempunyai tanggagaji 'banded' sahaja sementara mereka-mereka yang dipinjamkan ke jawatan yang bertanggung 'incremental' bolehlah diberi kenaikan gaji tahunan mengikut budibicara Badan Berkanun/Kuasa Tempatan Berkenaan.

ELAUN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN

6. Walaupun Lapuran Gaji Harun telah mengesyurkan berbagai jenis elaun yang boleh dibayar kepada pekerja-pekerja Badan-Berkanun/Kuasa Tempatan namun demikian bagi pegawai-pegawai pinjaman, tidak semua jenis elaun itu layak dibayar. Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai-pegawai pinjaman, semasa dalam tempoh pinjamannya, boleh dibayar elaun-elaun berikut iaitu elaun

lodging, elaun harian, elaun hitung batu, bayaran 'consultation', elaun klinik, elaun khas kerana menjalankan tugas-tugas pentadbiran (bagi pegawai-pegawai professional yang menjalankan tugas sedemikian), elaun keraian, elaun drebar, dan elaun sewa rumah kesemuanya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan. Bagi elaun lodging, elaun harian dan elaun hitung batu, penguatkuasaan pembayarannya bolehlah dilaksanakan mulai dari tarikh keluarnya Surat Pekeliling ini sementara bagi bayaran 'consultation', elaun klinik, elaun khas kerana menjalankan tugas-tugas pentadbiran (bagi pegawai-pegawai professional), elaun drebar, elaun keraian, dan elaun rumah perlaksanaannya adalah dimulakan pada tarikh 15hb. Januari 1975 atau tarikh pegawai itu memegang jawatan yang melayakkannya mendapat elaun-elaun sedemikian mengikut mana yang lebih terkemudian. Mereka-mereka yang berkelayakan menerima tunggakan mana-mana elaun yang di sebutkan di atas bolehlah dibayar tunggakan mulai 15hb. Januari, 1975.

Berhubung dengan ini adalah dimaklumkan bahawa mereka-mereka yang di-pinjamkan sebagai Ketua Kerja atau Pengurus Cawangan (Penyandang-Penyandang Jawatan Berjadual/Jawatan Penting) sesebuah Badan Berkanun/Kuasa Tempatan adalah layak dibayar elaun-elaun tertentu disamping gajinya. Elaun-elaun yang berkenaan itu ialah elaun keraian, elaun rumah dan elaun drebar dan hendaklah dibayar kepadanya mulai 15hb. Januari, 1975. Walau bagaimanapun elaun rumah dan elaun drebar hanya boleh dibayar di dalam keadaan-keadaan seperti berikut :-

(a) Elaun Drebar

Elaun drebar boleh dibayar kepada mana-mana pegawai pinjaman yang mengisi jawatan Ketua Kerja/Pengurus Cawangan dengan syarat pegawai itu menggaji seorang drebar sepenuh masa dan Badan Berkanun/Kuasa Tempatan tidak menyediakan kenderaan bagi beliau gunakan dalam menguruskan urusan-urusan resmi. Kadar elaun ini adalah seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan.

(b) Elaun Rumah

Pegawai-pegawai yang dipinjamkan mengisi jawatan-jawatan Ketua Kerja/Pengurus Cawangan sesebuah Badan Berkanun adalah layak menduduki sebuah rumah yang disediakan oleh Badan Berkanun/Kuasa Tempatan secara percuma. Jika sekiranya rumah berkenaan tidak diperuntukkan maka pegawai itu hendaklah dibayar elaun sewa rumah mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan. Jika sekiranya pegawai tersebut terus menduduki rumah Kerajaan semasa pinjamannya, maka beliau akan dikenakan sewa rumah itu sebanyak 10 kali ganda sewa namaan rumah tersebut, dengan syarat jumlahnya tidak melebihi 10% dari gaji hakiki beliau. Sewa ini hendaklah ditanggung oleh Badan Berkanun/Kuasa Tempatan dan hendaklah dibayar kepada Kerajaan tiap-tiap bulan.

7. Adalah juga dimaklumkan bahawa walaupun Kerajaan telah bersetuju supaya gaji pegawai-pegawai pinjaman diselaraskan mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas tetapi dalam keadaan di mana pegawai-pegawai yang dipinjamkan itu adalah terlalu rendah kekananannya berbanding dengan gred gaji jawatan pinjamannya, maka pinjaman beliau ke jawatan itu akan ditamatkan dan jika perlu tempat beliau itu akan diganti dengan seorang pegawai pinjaman yang lain yang lebih kanan dan sesuai. Jika sekiranya pegawai berkenaan tidak mahu ditarik balik ke perkhidmatan asalnya dan cenderung untuk terus berkhidmat dengan Badan Berkanun/Kuasa Tempatan berkenaan secara pertukaran tetap maka Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Kuasa Tempatan berkenaan hendaklah merundingkan perkara ini dengan Ketua Perkhidmatannya dan memutuskan samada pegawai itu layak dan sesuai untuk ditukar tetap ke jawatan berkenaan. Pertukaran tetap hanya boleh dilaksanakan sekiranya Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Kuasa Tempatan bersetuju menerima pegawai berkenaan dan Ketua Perkhidmatannya pula bersedia melepaskan beliau ditukar tetap ke jawatan itu demi kepentingan perkhidmatan.

8. Sebarang keraguan yang timbul berhubung dengan Surat Pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penjelasan lanjut.

Sekian

Saya yang menurut perintah,

(WAN IBRAHIM BIN WAN DAUD)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun berkenaan

Semua Pihak Berkuasa Kuasa-kuasa Tempatan

Semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan